

By : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Venue: HOTEL PALACE OF THE GOLDEN HORSES, SERI
KEMBANGAN, SELANGOR
Date : 13-08-2004
Title: PERSIDANGAN HALATUJU SEKTOR PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI ANJURAN KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Saudara Pengerusi Majlis;

YB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Tan Sri, Datuk Seri, Dato', Datin;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

1. Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat saya berada pada petang ini sempena Penutupan Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana sudi menjemput saya untuk hadir bagi menyempurnakan Majlis Penutupan Persidangan ini yang telah berlangsung selama dua hari.

2. Adalah menjadi hasrat saya agar persidangan yang telah berlangsung selama dua hari ini memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu Kerajaan dan para peserta persidangan yang terdiri dari sektor swasta, usahawan-usahawan tani, para peladang, penternak dan nelayan, pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli Yang Berhormat. Penglibatan peserta-peserta Persidangan ini merupakan satu komitmen serta kesungguhan untuk menyambut seruan Kerajaan dalam usaha mendapatkan maklumbalas bagi penyediaan halatuju sektor ini secara menyeluruh dan bersepadu seterusnya bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai pengeksport makanan pada tahun 2010. Matlamat ini juga adalah selaras dengan Rangka Kerja Pelan Imbangan Dagangan (Balance of Trade) Makanan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan daya saing barangan makanan tempatan dan pada masa yang sama mengurangkan jumlah dagangan import makanan negara.

3. Saya difahamkan tuan-tuan dan puan-puan telah dimaklumkan mengenai Rangka Pelan Imbangan Dagangan Makanan yang mengandungi Pelan Kementerian khususnya bagi mencapai matlamat imbangan dagangan positif RM1.7 billion pada tahun 2010 melalui sembilan strategi-strategi yang telah dikenalpasti iaitu:

Penggunaan teknologi moden;

Mencontohi amalan tokoh-tokoh petani yang berjaya dan dinamik di Jepun, Taiwan dan Australia;

Perubahan sikap para petani;

Memperkukuhkan kursus-kursus pertanian di IPTA dan Kolej;

Peningkatan prestasi, peranan dan fungsi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN);

Menumpukan peranan Kementerian dan Agensi sebagai pemudahcara;

Penyediaan pasukan khidmat sokongan;

Penyediaan kemudahan pinjaman kredit yang mesra pelanggan; dan

Penambahbaikan pakej insentif.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. YAB Perdana Menteri telah menggariskan strategi-strategi tersebut semasa beliau merasmikan persidangan ini semalam. Saya ingin menekankan dua keutamaan yang saya rasa amat penting iaitu khidmat sokongan yang lebih berkesan kepada golongan sasaran termasuk usahawan-usahawan tani, pertubuhan-pertubuhan peladang, persatuan-persatuan nelayan dan badan-badan koperasi pertanian.

5. Sehubungan itu, antara peranan yang perlu terus dimainkan oleh pihak Kementerian terhadap golongan sasaran ini adalah memberi bimbingan, menyalurkan maklumat-maklumat penting dan relevan, memotivasikan golongan sasaran ini ke arah prestasi yang lebih baik dan yang lebih penting lagi ialah menyiapsediakan golongan ini untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam persekitaran dan pasaran yang ada kesan ke atas daya saing mereka.

6. Pergolakan dan pembaharuan-pembaharuan dalam persekitaran industri pertanian, samada di peringkat domestik, serantau mahupun global, telah banyak mengubah, bukan sahaja profail pasaran-pasaran tersebut, tetapi juga

cara dan pendekatan berniaga serta strategi-strategi pengeluaran dan pemasaran.

7. Keutamaan kedua yang perlu diberi perhatian ialah perubahan minda atau "mindset change" yang perlu pada pengusaha-pengusaha bidang pertanian supaya selaras dengan tuntutan keadaan dan situasi semasa. Perubahan minda ini, antara lain, perlu untuk membolehkan usahawan-usahawan tani bergerak balas dengan segera dan tepat, kepada setiap perubahan dalam pasaran, "think big" atau memikirkan pertanian sebagai usaha besar-besaran yang berkeupayaan eksport dan pasaran global. Di samping itu, ianya penting supaya mereka mempunyai sikap dan minda terbuka kepada unsur-unsur baru seperti ICT, pembukaan pasaran dan proses globalisasi.

8. Selaras dengan usaha mengujudkan satu "industri" pertanian, Kerajaan akan menggalakkan perubahan-perubahan struktur dalam hubungan rantai antara "enterprise", dan mengalu-alukan penggabungan syarikat-syarikat untuk meningkatkan tahap daya saing serta menggabungkan kemahiran tertentu seperti pemasaran, "business intelligence" dan pengeluaran.

9. Kesemua perubahan ini memberi kesan kepada usahawan, "enterprise" dan syarikat yang berada dalam sektor pertanian, dan dalam banyak keadaan, memerlukan perubahan-perubahan radikal di semua peringkat golongan sasaran. Dalam konteks ini, "anjakan paradigma" itu mungkin perlu menyeluruh atau total. Oleh itu, anjakan paradigma yang perlu dilakukan ialah mengalakan perhatian kita kepada pasaran yang menjangkau bukan sahaja batasan domestik, tetapi serantau dan juga global. Dengan anjakan paradigma itu, maka usahawan-usahawan tani perlu pula mengorientasikan strategi dan halatuju untuk memenuhi tuntutan-tuntutan pasaran terbuka itu, dan untuk menghadapi saingan yang tidak kenal unsur-unsur seperti keturunan kaum, penentuan kaum mahupun keistimewaan mana-mana pihak.

10. Saingan akan semata-mata berasaskan kecekapan, mutu produk, kesesuaian harga dan lain-lain faktor yang ditentukan oleh pasaran. Dalam konteks ini, usahawan-usahawan tani perlu sanggup menjalani proses pembelajaran atau "educative process" yang berterusan kerana sentiasa berlaku kemajuan-kemajuan dan pembaharuan dalam pasaran persekitaran perniagaan. Pendekatan-pendekatan usang atau

obsolete, mesti digantikan dengan pendekatan-pendekatan yang didokongi oleh ICT, samada di peringkat pentadbiran, pengeluaran mahupun pemasaran.

11. Usahawan-usahawan tani juga mesti memahami dan mengaplikasi unsur-unsur teknikal berkaitan dengan produktiviti, penentuan kualiti dan kawalan kos, di samping memahami keperluan-keperluan pasaran seperti pensijilan standard kualiti, keperluan-keperluan sanitari dan phytosanitari serta lain-lain syarat yang berorientasikan amalan kesihatan yang diterimapakai dan kaedah pengeluaran yang mesra alam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Mulai tahun lepas, Pasaran Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah direalisasikan sepenuhnya setelah melalui proses pembukaan pasaran sejak tahun 1993. Dalam jangkamasa tersebut, negara-negara ASEAN khususnya 6 negara asal ASEAN termasuk Malaysia, telah membuka pasaran masing-masing melalui penurunan dan penghapusan tariff atau duti import. Dengan itu, produk-produk termasuk produk pertanian boleh memasuki pasaran Malaysia tanpa apa-apa duti. Ini bererti bahawa syarikat-syarikat Malaysia yang mengeluarkan barangan yang sama telah menghadapi saingan dari import, tanpa perlindungan tariff serta boleh bertahan dalam pasaran domestik.

13. Oleh kerana negara-negara ASEAN yang lain juga telah membuka pasaran masing-masing dalam AFTA, syarikat-syarikat Malaysia wajar mengatur strategi untuk memasuki pasaran-pasaran tersebut, dan bertapak dalam pasaran ASEAN yang mempunyai seramai lebih 500 juta penduduk dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) melebihi US\$820 billion.

14. Selain dari mengeksport, syarikat-syarikat dalam sektor ini juga wajar meneliti peluang-peluang mendapatkan bahan-bahan dan input-input yang kompetitif dari pasaran serantau, dan dengan jalinan perniagaan atau "business networking", mengujudkan kolaborasi industri dan perniagaan yang efektif dengan syarikat-syarikat ASEAN.

Hadirin sekalian,

15. Kalau dahulu, "Peneroka" bererti orang Melayu dan Bumiputra yang telah ditempatkan semula dari kampung-kampung di mana mereka tiada mempunyai tanah, ke kawasan-

kawasan baru FELDA, di mana mereka diberi peluang mengusahakan tanah-tanah yang keluasanya lebih ekonomik dan memungkinkan pendapatan yang lebih tinggi. "Peneroka" juga diertikan sebagai mereka yang menjadi perintis dalam bidang pertanian perladangan getah dan kelapa sawit, kerana pada masa dahulu, itulah bidang-bidang yang dianggap perintis. Sudah sampai masanya diujudkan generasi baru "peneroka" di kalangan usahawan tani selaras dengan era baru dan alaf baru yang telah membawa pelbagai jenis kemajuan seperti peningkatan kemudahan infrastruktur dan pendapatan atau taraf hidup yang lebih tinggi.

16. "Peneroka-peneroka" ini ialah usahawan-usahawan tani yang mempunyai motivasi dan pandangan jauh untuk menjadi perintis di dalam aktiviti-aktiviti baru dalam industri pertanian serta sanggup menerokai pasaran luar. "Peneroka" abad ke 21 ini merupakan perintis-perintis yang mampu mencerminkan keupayaan dan kesungguhan untuk berjaya dalam aktiviti-aktiviti mereka khususnya di pasaran-pasaran bukan tradisi serta bertaraf antarabangsa atau "world class standard".

17. "Peneroka-peneroka" ini akan menanda aras atau "benchmark" prestasi mereka bukan dengan standard atau tahap sesama mereka tetapi akan membuat perbandingan dengan usahawan-usahawan dan syarikat yang terbaik di peringkat serantau dan global. Pendek kata, mereka sanggup dinilai dengan kriteria-kriteria yang diterimapakai di peringkat antarabangsa.

18. "Peneroka-peneroka" inilah yang merupakan "global suppliers" yang membekalkan barangan mereka kepada syarikat-syarikat dan pelanggan di luar negara, dan yang berjaya membuka kemudahan-kemudahan pengedaran dan pengeluaran di pasaran antarabangsa. Dan adalah menjadi harapan dan hasrat saya agar "peneroka-peneroka" inilah yang akan menjadi lambang kejayaan kita dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Insya Allah.

19. Dengan kata-kata sedemikian, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani ini.

Terima kasih. Wabillahitaufik Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Pejabat Timbalan Perdana Menteri.
13 Ogos 2004.